



15 OCT, 2024

Besi sekerap RM13.2j dalam 44 kontena dirampas

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Besi sekerap RM13.2j dalam 44 kontena dirampas



SEBAHAGIAN daripada rampasan skrap besi yang dibawa masuk secara haram.

Pelabuhan Klang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor) merampas 1,098.19 tan pelbagai besi sekerap yang dibawa masuk secara haram ke negara ini.

Ketua Pengarah JKDM Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, pihaknya menemui rampasan itu di dalam 44 kontena di Pelabuhan Barat di sini, 5 September lalu.

"Siasatan awal mendapati semua kontena terbabit tiba di Pelabuhan Klang pada 13 Ogos lalu dan dagangan berasal dari sebuah negara di benua Amerika.

"Kejayaan kes ini kolaborasi antara Bahagian Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah Unit II (Selangor) dan Kementerian Pelabuhan, Perdagangan dan Industri (MITI).

"Siasatan mendapati se-

mua besi sekerap terbabit dianggarkan bernilai RM13.2 juta," katanya di Wisma Kastam Selangor, Pulau Indah, di sini, semalam.

Anis Rizana berkata, pengimportan besi sekerap tertakluk kepada permit import yang dikeluarkan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) sebagai mana digariskan di dalam Butiran 5, Bahagian I, Jadual Keempat, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023.

Dalam kes berasingan pada 17 Ogos sehingga 4 Oktober lalu, katanya, JKDM menahan 107 kontena bermuatan 2,118.91 tan sisa buangan elektronik bernilai RM5.59 juta.

"Menerusi OPS e-Waste 2024, Bahagian Perkastaman, JKDM Zon Tengah,

Unit II (Selangor) membuat penahanan berdasarkan imej mesin pengimbas ke atas 107 kontena di Unit Mesin Pengimbas, Pelabuhan Barat.

"Kontena terbabit diperiksa bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan didapati mengandungi 2,118.91 tan sisa buangan elektronik yang dipercayai tidak mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar," katanya.

Menurutnya, bagi kedua-dua kes besi sekerap dan sisa buangan elektronik terbabit, siasatan mendapati pengimport membuat pengiklanan tidak benar dengan diikrarkan sebagai barangan lain untuk mengelak keperluan permit import bagi tujuan pengimportannya.

Mengulas lanjut mengenai sisa buangan elektronik, katanya, JKDM akan bekerjasama dengan polis untuk mengenal pasti penerima bahan terbabit.

"Kontena tiba di Pelabuhan Klang 13 Ogos lalu dari benua Amerika"
Anis Rizana



15 OCT, 2024

Besi sekerap RM13.2j dalam 44 kontena dirampas

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

SEBAHAGIAN daripada rampasan skrap besi yang dibawa masuk secara haram.

Pelabuhan Klang: Ja b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit II (Selangor) merampas 1,098.19 tan pelbagai besi sekerap yang dibawa masuk secara haram ke negara ini. Ketua Pengarah JKDM Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, pihaknya menemui rampasan itu di dalam 44 kontena di Pelabuhan Barat di sini, 5 September lalu.